



Penduduk kampung dan kakitangan sekolah membersihkan persekitaran selepas banjir lumpur di SK Kiau, Kota Belud, semalam.

2 sungai bawa banjir lumpur

» Penduduk di kaki Gunung Kinabalu diminta waspada

Oleh Suzianah Jiffar dan Johary Indan
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Hujan lebat di Gunung Kinabalu semalam, mengakibatkan banjir lumpur sekali lagi melanda Sungai Penataran dan Sungai Ulu Kadamaian di Kota Belud.

Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Felix Tongkul, berkata paras air di kedua-dua sungai itu naik mendadak pagi semalam, dengan keadaan air kelihatan keruh.

Katanya, pemantauan di Sungai Ulu Kadamaian di Kampung Tombotuan pada sebelah pagi, mendapati banjir semakin besar disusuli banjir lumpur pada jam 1 petang.

“Banjir lumpur turut berlaku di Sungai Penataran di Kampung Malangkap, dengan keadaan air yang deras disusuli bunyi kuat hentaman antara batu besar.

“Banjir lumpur ini turut membawa bersama batu sebesar kereta dari hulu sungai selain membawa bersama batang kayu yang besar. Pada jam 1 petang, saya dimaklumkan jambatan besi di Kampung Malangkap Baru dilaporkan



Keadaan banjir lumpur di Sungai Penataran, Kota Belud, semalam.

sudah hanyut,” katanya dalam kenyataannya.

Bahaya kepada penduduk

Pada 15 Jun lalu, hujan lebat di Kundasang mengakibatkan banjir lumpur di Kampung Mesilau di kaki Gunung Kinabalu.

Kejadian dilaporkan berlaku jam 3 petang di Sungai Mesilau yang dipercayai turut berpunca daripada kesan runtuhannya tanah dan batu dari Gunung Kinabalu, susulan gempa bumi pada 5 Jun lalu.

Keadaan itu turut menyebabkan banjir lumpur berlaku di Sungai Ulu Kadamaian dan Sungai Penataran.

Dalam pada itu, Prof Felix berkata, banjir lumpur berkenaan berlaku dengan cepat selepas hujan lebat di hulu kerana laluan sungai sudah ‘dibersihkan’ oleh banjir lumpur

yang pertama.

Katanya, keadaan ini tentu bahaya kepada penduduk yang tinggal di tepi sungai dan ia dijangka terus terjadi selagi bahan tanah runtuh di kaki gunung terus berkumpul dan hujan lebat berlaku.

Perlu berwaspada

“Keadaan ini juga boleh berlaku di Sungai Mesilau Kiri dan Sungai Mesilau Kanan di Kundasang. Oleh itu penduduk kampung di kawasan ini diingatkan supaya sentiasa berwaspada,” katanya.

Setakat jam 8 malam tadi, tiada penduduk dilaporkan berpindah susulan banjir lumpur berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Jame Alip, berkata banjir lumpur sekali lagi melanda Sekolah Kebangsaan (SK) Kiau, di Kota Belud, petang semalam.